



## KENYATAAN MEDIA

### KORBAN PERTAMA COVID-19 YANG LAYAK TERIMA FAEDAH SKIM BENCANA KERJA

**KUALA LUMPUR** – Seorang pesakit COVID-19 yang meninggal dunia layak menerima faedah di bawah Skim Bencana Kerja Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

Kes pertama COVID-19 di bawah skim tersebut melibatkan seorang lelaki dari Kuching, Sarawak yang berusia 60 tahun 1 bulan ketika meninggal dunia. Beliau adalah korban pertama COVID-19 dan kes ini pada mulanya didapati tidak layak menerima faedah PERKESO di bawah Skim Keilatan PERKESO disebabkan faktor usia.

Walau bagaimanapun, memandangkan mendiang adalah pencarum aktif, Pejabat PERKESO Kuching mengambil langkah meneruskan siasatan di bawah Skim Bencana Kerja. Berdasarkan maklumat yang diperolehi, mendiang dijangkiti COVID-19 ketika menghadiri Persidangan Penganut Kristian yang berkaitan dengan tugasnya sebagai seorang paderi di sebuah gereja di Kuching.

Justeru, waris mendiang layak menerima Faedah Pengurusan Mayat dan Faedah Orang Tanggungan di bawah Skim Bencana Kerja. Faedah Pengurusan Mayat telah dikreditkan ke akaun balu mendiang semalam.

Kes ini menjadikan keseluruhan korban COVID-19 yang layak menerima faedah PERKESO adalah seramai 12 mangsa. Seramai 11 mangsa korban lain memenuhi syarat kelayakan di bawah Skim Keilatan, iaitu kes kematian COVID-19 yang ke-3, 7, 13, 32, 33, 37, 46, 52, 56, 66 dan 89. PERKESO masih berusaha untuk mendapatkan dokumen daripada waris korban ke-32, 37 dan 46. Kesukaran ini disebabkan mereka sedang menjalani proses kuarantin.

Skim Bencana Kerja dan Skim Keilatan di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 menyediakan perlindungan kepada pekerja yang layak. Perlindungan Skim Bencana Kerja meliputi pekerja yang mengalami kemalangan atau penyakit khidmat yang berpunca atau terbit daripada pekerjaannya sementara Skim Keilatan pula menyediakan perlindungan 24 jam kepada pekerja yang mengidap keilatan atau kematian akibat sebarang sebab.

**PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)**

**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

**24 APRIL 2020**

#### **DISCLAIMER**

PERKESO tidak akan bertanggungjawab atau bertanggungan bagi apa-apa kerugian yang terbit dalam kontrak, tort atau sebaliknya atas penggunaan atau pendedahan apa-apa data oleh mana-mana pihak bagi tujuan Pakej Rangsangan Ekonomi PRIHATIN 2020 yang melibatkan PERKESO seperti Program Subsidi Upah, Program Pengekalan Pekerjaan dan Program Saringan Prihatin PERKESO atau program-program lain yang berkaitan dengannya dan tidak akan bertanggungjawab atau bertanggungan sekiranya penggunaan atau pendedahan apa-apa data oleh mana-mana pihak bagi tujuan tersebut dilakukan oleh mana-mana pihak yang tidak diberi